

18/03/2001

Pak Pandir, Pak Kadok, Lebai Malang

MINGGU lalu saya mencadangkan supaya "hak istimewa Melayu" dihapuskan dan digantikan dengan "hak istimewa rakyat pendatang" (Cina, India dll). Dan saya tutup tulisan itu dengan menegaskan "bahawa masa depan kita dan anak cucu kita bergantung kepada keutuhan kuasa politik kita.

Jika kuasa politik lemah, kita akan jadi seperti peribumi Amerika, Australia, New Zealand dan Fiji."

Secara kebetulan, hari Khamis (8 Mac) lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan peri pentingnya kita mempertahankan hak-hak Melayu.

Secara spontan Pas menganggap hak-hak itu sebagai "bukan perkara baru". Bagi Pas yang penting sekarang (perkara baru) ialah royalti minyak, penerbitan Harakah dan penggunaan kata Islam bagi nama parti.

Saya tidak bermaksud membahaskan cadangan pertemuan Umno-Pas. Yang amat penting bagi saya sekarang ialah seperti kata Dr Mahathir bahawa kita "tidak sekata" lagi dalam "pendirian" dan tindakan mengenai hak bangsa Melayu.

Dr. Mahathir mengatakan "ada hakisan sedikit" mengenai "sokongan kepada Umno". Dan saya berasakan sudah ada hakisan juga tentang semangat dan dokongan sesetengah tokoh dan cerdik pandai Melayu terhadap hak dan kepentingan bangsa Melayu.